

1.3	1.3.1	MENDENGAR DAN BERTUTUR
-----	-------	------------------------

Lengkapkan maklumat di bawah dengan pernyataan yang sesuai

Hari ini, murid-murid Tingkatan satu mendengar taklimat tentang panduan keselamatan diri apabila menghadapi sesuatu kejadian yang tidak diduga seperti kebakaran. Taklimat ini disampaikan oleh seorang pegawai bomba. Selain itu, mereka turut diajarkan cara-cara mengawal kebakaran.

Sebaik sahaja loceng kecemasan berbunyi, murid-murid harus meninggalkan kelas dengan membawa barangan yang penting sahaja. Sebelum itu, murid-murid tidak harus panik, sebaliknya bertenang dan mematuhi arahan guru. Semasa berlaku kebakaran, murid-murid dilarang menggunakan lif semasa keluar daripada bangunan. Murid-murid tidak harus berebut-rebut atau bertolak-tolak semasa menuni tangga atau keluar dari bangunan untuk mengelakkan daripada berlaku sebarang kemalangan.

Murid-murid perlu berkumpul di tapak perhimpunan sekolah mengikut kelas masing-masing. Dengan ini, guru mudah mencatatkan nama murid untuk memastikan tidak ada murid yang tertinggal atau terperangkap dalam kebakaran.

Sebaik-baiknya, murid-murid perlu mematuhi pelan kecemasan bangunan yang telah ditetapkan. Setiap bangunan sekolah mempunyai pelan kecemasan. Apabila berhadapan dengan kecemasan seperti kebakaran, murid-murid perlu mematuhi panduan yang ditetapkan.

1. Mengapakah murid-murid harus mematuhi panduan keselamatan diri semasa berlaku kecemasan seperti kebakaran?

Murid-murid harus mematuhi panduan keselamatan diri semasa berlaku kecemasan seperti kebakaran untuk

2. Nyatakan panduan keselamatan diri semasa berlaku kecemasan di sekolah.

a) _____

b) _____

c) _____

d) _____

e) _____